



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
MAC 2023**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**02 MAC 2023
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK
IBU PEJABAT PETALING JAYA
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

- **Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam**
Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

- **Yang Berusaha En. Shaari bin Desa**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pn. Rusnah binti Rohani**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**
Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya
kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia yang kedua bagi tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **PLKM dan PTM** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada **YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed**, atas kenaikan pangkat kepada **Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** yang baharu.
4. Ucapan Tahniah juga diucapkan kepada **YBhg. Datuk Johan bin Mahmood @ Johan Mahmood Merican** yang telah dilantik sebagai **Ketua Setiausaha Perbendaharaan**, Kementerian Kewangan.
5. Harapan kita dengan pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki oleh kedua-dua tokoh ini, akan ada penambahbaikan dan pembaharuan kepada sektor awam selari dengan aspirasi Malaysia Madani.

PEGAWAI BERSARA

6. Disamping itu juga, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang telah bersara wajib. Mereka adalah:
 - a) **Puan Zainun Binti Saibol, Pembantu Makmal C26** dari **KIMIA Sabah** pada 03 Februari 2023.
 - b) **Puan Nazriya Binti Shafie, Pembantu Makmal C26** dari **KIMIA KEDAH** pada 07 Februari 2023.

7. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan dan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

8. Ucapan penghargaan kepada dua orang kakitangan KIMIA Malaysia yang telah bertukar ke jabatan lain. Mereka adalah:
 - a) **Puan Surianie binti Samsudin, Pegawai Khidmat Pelanggan N22** dari **KIMIA Pulau Pinang** yang telah bertukar ke Kolej Komuniti Bayan Baru pada 07 Februari 2023.
 - b) **Puan Hasfaizah binti Moner, Penolong Pegawai Tadbir N22** dari **Bahagian Khidmat Pengurusan** yang telah bertukar ke Hospital Tanjung Karang pada 20 Februari 2023.

9. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan sepanjang berkhidmat di KIMIA Malaysia dan semoga terus cemerlang di tempat baru.

KENAIKAN PANGKAT

10. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah menerima surat kenaikan pangkat pengesahan jawatan yang disampaikan semasa majlis yang telah diadakan pada **24 Februari** lalu. Mereka adalah:
 - **Pegawai dari Gred C48-C54**
 - **Dan Pegawai SME dari Gred C48-Khas C**
11. Ini termasuklah seramai **92 orang Pegawai-pegawai Sains Gred C41 pengambilan tahun 2014** yang telah menerima surat pemangkuan ke **Gred C44 Fleksi**.
12. Pegawai-pegawai ini diberikan pemangkuan ke gred **C44 Fleksi setelah genap 8 tahun** perkhidmatan di Gred C41.
13. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pegawai yang terlibat.
14. Semoga pemangkuan dan kenaikan pangkat ini, akan menjadi motivasi bagi menyemarakkan lagi semangat tuan-tuan dan

puan-puan untuk meningkatkan komitmen dan tanggungjawab dalam memberikan kualiti perkhidmatan cemerlang kepada jabatan.

PERHIMPUNAN BULANAN MOSTI

Hadirin sekalian

15. Semasa Perhimpunan Bulanan MOSTI pada 23 Februari yang lalu, YBhg. Datuk KSU menekankan beberapa perkara penting bagi panduan dan hala tuju jabatan.

KONSEP MALAYSIA MADANI

16. Pertamanya, konsep Malaysia 'MADANI' sebagai **strategi bagi mentadbir negara** dengan berkesan dan mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.
17. Enam rukun **MADANI** iaitu, ke**M**ampanan, kesej**A**heraan, **D**aya cipta, horm**A**t, keyaki**N**an dan Ihsan telah diperkenalkan dan ini menjadi asas kepada MOSTI di dalam memacu agenda sains, teknologi dan inovasi negara, konsep yang mengutamakan rakyat.
18. Prinsip Daya cipta yang ditekankan adalah selari dengan agenda Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) negara di

dalam menghadapi kerancakan gelombang teknologi masa kini dengan peningkatan penggunaan pelbagai teknologi seperti Artificial Intelligence (AI), robotik, automasi, data raya dan lain-lain yang berkaitan.

REVOLUSI IR 4.0

19. Infrastruktur dan teknologi digital adalah pemboleh daya utama untuk memacu agenda STIE berasaskan teknologi tinggi selaras dengan peralihan ke arah revolusi industri 4.0.
20. Melalui dasar ini, KIMIA Malaysia terus memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan dengan pelaksanaan program pendigitalan iaitu pra-pendaftaran, perkhidmatan analisis air dan e-Kehakiman.
21. Di samping itu juga, usaha-usaha telah dijalankan bagi memuktamadkan proses pembayaran secara '*online*'

INISIATIF ANALITIK DATA RAYA MOSTI (BDA MOSTI)

22. Ketiga, Inisiatif Analitik Data Raya MOSTI (BDA MOSTI) yang dilihat memberikan gambaran awal *trend* penyelidikan di negara ini di bawah RMKe12.

23. KIMIA Malaysia juga ada menyumbang sebanyak **19 data** dibawah program ini.
24. Data ini boleh dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik.

PENGLIBATAN WARGA KIMIA DALAM AKTIVITI SOSIAL

Hadirin sekalian,

25. Saya menyarankan semua warga KIMIA Malaysia agar dapat meluangkan masa dalam menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh **Kelab, Puspanita dan PEMURNI KIMIA Malaysia.**
26. Program-program ini secara tidak langsung banyak memberi manfaat kepada mereka yang terlibat.
27. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahim antara warga KIMIA Malaysia tetapi juga dapat menjadikan kita lebih sihat dan ceria serta sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi di tempat kerja.
28. Saya percaya dengan pengurusan masa yang bijak, kita mampu memberikan tumpuan kepada tugas-tugas hakiki di samping bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

29. Sukacita dimaklumkan pada hari Sabtu ini, Kelab Sukan MOSTI akan mengadakan hari keluarga MOSTI bertempat di Wetland Putrajaya.
30. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga KIMIA Malaysia yang telah menyatakan komitmen mereka untuk hadir pada program berkenaan dan sama-sama memeriahkan program tersebut.
31. **PENUTUP**
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,
32. Harapan saya, semangat dan iltizam warga kerja KIMIA Malaysia, terus utuh kerana tiada apa yang mustahil untuk dicapai andai kita sentiasa bekerjasama dalam usaha mencapai visi dan misi jabatan.
33. Kerjasama inilah akan lebih membuka ruang dan minda ke arah jalan penyelesaian kepada masalah, menyediakan tapak bagi inovasi untuk berkembang, memperlihatkan gambaran yang lebih holistik mengenai gambaran yang lebih besar dan menyelaraskan pasukan untuk melangkah jauh menuju kejayaan.

34. Kerjasama yang optimum hanya akan dapat dicapai melalui komitmen Dr/Tuan/Puan untuk menyelesaikan sebarang tugas dengan mencapai sasaran yang ditetapkan contohnya dalam penyediaan myportfolio.
35. Semoga kita semua dapat meningkatkan semangat, menggandakan usaha dan berganding bahu, demi menjayakan aspirasi dan matlamat jabatan kelak.
36. Setiap orang memiliki kelebihan dan kekurangan masing-masing.
37. Kita saling lengkap melengkapi.
38. Oleh karena itu, setiap daripada kita perlu bekerja sama dan saling bahu-membahu untuk menutupi kekurangan dengan kelebihan masing-masing.
39. Berusahalah untuk memberikan semangat positif dalam sesebuah pasukan, jangan menyebarkan hal negatif yang boleh mengeruhkan keadaan.
40. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari

Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan Mac.

41. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz
Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

42. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----